



**i-WIN LIBRARY**

INTERNATIONAL  
WAQAF ILMU NUSANTARA  
LIBRARY

[waqafilmunusantara.com](http://waqafilmunusantara.com)  
[admin@waqafilmunusantara.com](mailto:admin@waqafilmunusantara.com)

**i-WIN Library**

**Perpustakaan Internasional Waqaf Ilmu Nusantara**

Office: Centre for Policy Research and International Studies (CenPRIS)

Universiti Sains Malaysia, Penang, Malaysia 11800

E-mail: [secretariat.alamnusantara@gmail.com](mailto:secretariat.alamnusantara@gmail.com)

[admin@waqafilmunusantara.com](mailto:admin@waqafilmunusantara.com)

Visit us at: <https://www.waqafilmunusantara.com>

---

---

Title : Peranan Sistem Adat Dan Undang-Undang Masyarakat Melayu

Tradisional Sebelum Abad Ke-19

Author(s) : Ku Nurinazilah Maisarah binti Ku Ahmad Khir

Institution : Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Category : Article, Competition

Topics : History, Law

**PERANAN SISTEM ADAT DAN UNDANG-UNDANG MASYARAKAT  
MELAYU TRADISIONAL SEBELUM ABAD KE-19**

oleh *Ku Nurinazilah Maisarah binti Ku Ahmad Khir*

Persatuan Mahasiswa Sejarah, Sains Politik & Strategi

Universiti Kebangsaan Malaysia

**1.0 PENDAHULUAN**

Esei yang dihasilkan oleh penulis ini akan membincangkan dan mengupas peranan sistem adat dan undang-undang masyarakat Melayu tradisional sebelum abad ke-19. Melalui penulisan ini, penulis akan menerangkan dan menjelaskan dengan lebih terperinci tentang fasal undang-undang dan adat yang diamalkan oleh masyarakat Melayu tradisional sebelum abad ke-19.

Undang-undang merupakan manifestasi pemikiran satu-satu bangsa dalam memastikan kelangsungan tamadun.“undang-undang rimba” yang mula diperkenalkan serta peraturan dalam kalangan masyarakat Melayu tradisional kemudiannya menunjukkan perkembangan sejajar dengan tahap ketinggian tamadun. Kebanyakan undang-undang adat Melayu sama ada dipengaruhi oleh agama Islam atau tidak,dikatakan telah menjadi asas kepada undang-undang negeri Melayu. Selain itu, undang-undang mula dihasilkan oleh masyarakat Melayu terutamanya golongan raja dan pembesar atau pun golongan pemerintah. Golongan pemerintah ini mula menghasilkan undang-undang bertulis bagi menghasilkan satu ketetapan dan peraturan yang akan dipatuhi oleh masyarakat. Dengan wujudnya sistem perundangan melayu tradisional ini, adat ini dapat diamalkan oleh generasi akan datang terutamanya. Undang-undang yang dirangka itu haruslah diteliti terlebih dahulu dari pelbagai aspek seperti adat-istiadat , norma, moral atau adab yang menjadi amalan hidup di zaman kesultanan Melayu. Setelah peraturan dibuat, undang-undang tersebut akan dijadikan sebagai asas kepada golongan pemerintah untuk mentadbir negeri mereka dan akan diikuti oleh masyarakat negeri tersendiri.

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, undang-undang boleh didefinisikan sebagai sesuatu peraturan dan keseluruhan peraturan yang digubal oleh kerajaan dan mestи dipatuhi oleh masyarakat berkenaan.<sup>1</sup> Undang-undang adat merupakan amalan-

---

<sup>1</sup> Dr.Teuku Iskandar, 2005, Kamus Dewan, Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka ,hlm 1768.

amalan adat dan tradisi bangsa Melayu yang lama kelamaan memperoleh taraf undang-undang dan seterusnya dikuatkuasakan oleh ketua daerah.<sup>2</sup> Sebelum abad ke-19, masyarakat Melayu telah mengamalkan beberapa undang-undang. Antaranya ialah Undang-undang Melaka, undang-undang Sembilan puluh Sembilan, undang-undang Pahang, undang-undang Kedah, dan undang-undang hamba lari negeri Selangor , undang-undang pelabuhan dan undang-undang laut Melaka.

Undang-undang menurut Siti Hawa Salleh pula adalah susunan peraturan hukum yang sah dan digubal oleh sesuatu badan. Di samping itu, ia juga merupakan hasil daripada sesuatu keputusan yang disepakati oleh pemerintah (raja) bersama badan-badan yang mewakili rakyat.<sup>3</sup> Kewujudan undang-undang yang telah dihasilkan oleh golongan pemerintah ini adalah bertujuan untuk memastikan sebarang konflik atau masalah yang wujud di dalam negeri itu dapat diselesaikan mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Selain itu juga, undang-undang ini juga dapat mengawal tingkah laku masyarakat agar dapat membentuk sebuah masyarakat yang lebih berdisiplin dalam sesuatu komuniti itu sendiri.Walau bagaimanapun,undang-undang ini akan mendatangkan hak istimewa yang tersendiri kepada golongan atasan seperti golongan pemerintah. Oleh itu, telah wujud ketidakpuasan hati oleh sesetengah masyarakat yang berpendapat bahawa undang-undang ini akan mendatangkan keuntungan kepada golongan yang menghasilkannya.

Selain itu,undang-undang yang wujud ini telah membuktikan bahawa masyarakat Melayu pada zaman itu telah bertamadun dan mula melibatkan diri dalam bidang ilmu dan pendidikan. Tujuannya adalah untuk memajukan masyarakat dan negeri yang didiami mereka itu sendiri. Terdapat sesetengah peraturan yang bertulis dan tidak bertulis kerana hanya diamalkan mengikut adat resam. Walau bagaimanapun, undang-undang tersebut masih dianggap sebagai peraturan dan harus dipatuhi oleh masyarakat setempat. Sesebuah undang-undang yang dihasilkan itu adalah hasil daripada pemikiran dan penelitian yang teliti oleh setiap golongan pemerintah bagi membentuk masyarakat yang dapat hidup bersama dalam keadaan yang aman dan

<sup>2</sup> M.B.Hooker, 1976, *The Personal Law of Malaysia*, Kuala Lumpur: Oxford University Press,hlmn 20.

<sup>3</sup> Siti Fairus Binti Kamarudin, 2015,*Manuskrip undang-undang Kedah : kajian unsur-unsur etnografi Islam*, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm 41-42.

damai. Dari pengalaman yang dilalui dan dari pemikiran dan penelitian yang tajam maka akan lahir undang-undang atau peraturan yang baik dan lengkap bagi mengendalikan masyarakat itu

Terdapat beberapa sarjana sejarah yang memberikan pandangan mereka tentang adat dan undang. Antaranya ialah Hooker berpendapat bahawa adat adalah satu aspek kelakuan yang mendekati soal-soal etika atau moral sesuatu yang dianggap elok atau sesuai dan dapat diterima oleh sesuatu masyarakat atau dapat juga dikatakan sebagai undang-undang kemasyarakatan, hukum alam atau keadaan semula jadi yang menerapkan tentang fenomena-fenomena alam,adat yang membawa pengertian undang-undang.<sup>4</sup> Turut memberikan pandangan yang tersendiri juga Datuk Samad Idris menyatakan bahawa adat ialah satu sistem pentadbiran dan pemerintahan serta cara hidup berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara yang dikawal oleh peraturan-peraturan kehidupan sehari-hari.<sup>5</sup>

## **2.0 JENIS UNDANG-UNDANG**

### **2.1 UNDANG-UNDANG MELAKA**

Undang-undang Melaka atau lebih dikenali sebagai Hukum Kanun Melaka merupakan undang-undang tradisional yang tertua di negara ini. Hukum Kanun Melaka ini telah diasaskan oleh Sultan Muzaffar Syah pada tahun 1446M sehingga 1456M. Sewaktu pemerintahan baginda, undang-undang ini adalah peraturan yang tidak bertulis dan hanya mula dijadikan sebagai peraturan bertulis sewaktu pemerintahan Sultan Mahmud Syah pada tahun 1489M sehingga 1511M. Hukum Kanun Melaka ini adalah bertujuan untuk menjaga rakyat, kerajaan dan negeri Melaka. Menurut beberapa orang sarjana undang-undang barat seperti Hood Philip dan Jackson, Hukum Kanun Melaka ini telah memenuhi semua aspek dan kriteria yang diperlukan dalam sesebuah perlembagaan.

Hukum Kanun Melaka ini memiliki keistimewaan yang tersendiri kerana ia merupakan sebuah perlembagaan bertulis yang lebih awal berbanding British Bills of Rights 1689 dan campur tangan kuasa asing di Tanah Melayu. Penulis menyebut British Bill of Rights 1689 di sini untuk menegaskan bahawa, berbeza dengan dakwaan ramai sarjana, prinsip raja berperlembagaan telah difahami oleh orang Melayu lebih awal daripada orang Inggeris. Hukum Kanun Melaka adalah himpunan

<sup>4</sup> Hooker, 1970, *Reading In Malay Adat Laws*, Singapura : Singapura University Press, hlmn11.

<sup>5</sup>Datuk Samad Idris, 1974, *Kemudian Dalam Adat Perpatih*, Kertas Kerja Yang Dibentangkan Di Seminar Pensejarahan Dan Adat Perpatih, Anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan, Hlm. 3

adat Melayu dan undang-undang Islam yang digubal semasa pemerintahan Sultan Muhammad Syah ( 1424-1444). Sebelum tarikh itu, Kesultanan Melayu Melaka sudah memiliki undang-undang dalam bentuk tidak bertulis iaitu adat Melayu, wa'adat Sapurba dan titah diraja.<sup>6</sup>

Undang-undang Melaka adalah naskhah perundangan Melayu yang terpenting. Ia mula –mula disusun di Melaka, kemudian ditambah dan disesuaikan di pelbagai kerajaan di Nusantara , terbukti dengan naskhahnya yang banyak, lebih daripada 40 buah . Naskhah tersebut ada yang panjang, ada yang pendek, dan ada pula yang bersifat fragmen. Ada pula yang digunakan oleh kerajaan tertentu sahaja, misalnya Kedah, Patani, Johor, dan Aceh. Undang-undang ini juga dipercayai pernah digunakan di Pahang, Riau, Pontianak dan Brunei. Walaupun demikian, kajian yang mendalam hanya terbit setelah Liaw Yock Fang menyediakan suatu edisi ilmiah untuk memperoleh gelaran Doktor Sastera dari Universiti Leiden pada tahun 1976.<sup>7</sup>

Di samping itu juga, Hukum Kanun Melaka ini mempunyai pengaruh Islam yang tersendiri. Hal ini kerana kandungan Hukum Kanun Melaka telah menekankan tentang undang-undang jenayah dalam islam dan telah dibahagikan kepada tiga bahagian. Antaranya ialah Hukum Qisas, Hukum Hudud dan Hukum Ta'zir. Ketiganya hukum ini adalah berlandaskan hukum Islam yang telah dinyatakan secara teliti di dalam Al Quran. Misalnya, Hukum Hudud adalah berkaitan dengan salah laku penzina. Penzina akan direjam sampai mati bagi yang telah berkahwin dan disebat 100 kali bagi yang belum berkahwin. Hal ini selari dengan surah an-Nur ayat 2 dan juga Hadith.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa undang-undang Melaka yang tidak selari dengan hukum Islam. Antaranya ialah kedudukan raja adalah lebih tinggi berbanding undang-undang. Kesultanan Melayu Melaka pada waktu itu lebih menggunakan konsep Devaraja. Istilah devaraja adalah terbentuk daripada dua perkataan iaitu ‘dewa’ dan ‘raja’. Oleh itu, istilah tersebut dapat dierangkan sebagai ‘raja kepada dewa-dewa’. Dalam tradisi India Dewa Indra selalunya dikaitkan dengan gelaran devaraja. Dewa

<sup>6</sup> Wan Ahmad fauzi wan Husain, Anisah Che Ngah, Mohamed Anwar Omar Din, 2018, *Konsep Kedaulatan dalam Hukum Kanun Melaka*, Universiti Kebangsaan Malaysia , hlm 61-73.

<sup>7</sup> Liaw Yock Fang, 2003, *Undang –undang Melaka, dan undang-undang laut Melaka*, Art Printing Works Sdn Bhd., Kuala Lumpur, hlm 1.

ini juga dikatakan sebagai pemerintah bagi bandar kedewaan Amaravati yang dipercayai terletak di puncak Gunung Mahameru.<sup>8</sup>

Namun begitu, apabila Raja Melaka menganut agama Islam, konsep kedaulatan Kerajaan Melayu Tua bertukar menerima pakai ajaran Islam sesuai dengan akidah baginda dan rakyat Melaka. Raja Melaka bukan sahaja pemerintah agung bahkan bertaraf ketua agama Islam. Sebagai raja berposisi sebagai ketua agama, baginda mempunyai tanggungjawab untuk mendaulat perundangan Islam. Itu adalah bersesuaian dengan konsep raja sebagai ‘bayangan Allah di atas muka bumi.’ Pelaksanaan prinsip perundangan Islam pada zaman Kesultanan Melayu Melaka dibuktikan sesuai dengan Islam sebagai undang-undang watan, Hukum Kanun Melaka sebagai perlombagaan Tanah Melayu, penghayatan ajaran Islam sebagai amalan hidup juga keberadaannya dalam penulisan tempatan semasa. Hukum Kanun Melaka itu sendiri, seperti dijelaskan mengandungi adat Melayu dan hukum Syarak.

## **2.2 UNDANG-UNDANG LAUT MELAKA**

Undang-undang Laut Melaka yang berasal pada Zaman Sultan Mahmud Syah (1488-1511) merupakan naskhah undang-undang yang penting. Hal ini kerana undang-undang ini bukan hanya digunakan pada zaman keagungan kerajaan Melayu Melaka tetapi terus digunakan oleh kerajaan Melayu lainnya setelah runtuh kerajaan Melayu Melaka kepada kuasa Portugis.

Antara kerajaan Melayu yang masih menggunakan undang-undang Laut Melaka ini ialah kerajaan Patani dan Gowa di Sulawesi. Oleh yang demikian terdapat beberapa versi undang-undang ini yang digunakan di sekitar Kepulauan Melayu. Ada yang tidak berubah daripada versi asalnya, manakala ada yang agak jauh berbeza tetapi masih mengekalkan beberapa ciri undang-undang asal itu.

Undang-undang Laut Melaka ini telah disusun oleh beberapa orang nakhoda terkenal di Melaka dan telah diperkenankan oleh Sultan Mahmud Syah (1488-1511M) sebagai undang-undang yang berkuatkuasa di laut. Undang-undang Laut Melaka ini merupakan sebahagian daripada hasil kesusasteraan tradisional orang Melayu yang dipercayai telah wujud sejak sebelum munculnya kerajaan Melayu Melaka lagi.

---

<sup>8</sup> Ahmad Murshidi Mustapa, Abdul Hakim Baharuddin, Mohamad Hafifi Hassim, 2019, *Sejarah Pelaksanaan Undang-undang Islam Malaysia: Sorotan Terhadap Sistem Kehakiman Islam di Negeri Melaka*, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, hlm 5.

Undang-undang ini banyak diguna pakai di laut khususnya. Undang-undang Laut Melaka memang telah mendapat banyak perhatian dan minat yang agak istimewa dari kalangan orientalis, dan ia juga telah banyak diperkatakan oleh para sejarawan dan sasterawan tempatan. Namun demikian sebahagian besar daripada mereka hanya menumpukan perhatian kepada Undang-undang Laut Melaka terutama yang diselenggarakan oleh R.O Winstedt dan de Jong, sedangkan masih banyak lagi terdapat versi undang-undang itu yang masih tidak diperkatakan orang. Dianggarkan terdapat lebih kurang 40 naskah undang-undang laut itu yang tersebar di seluruh dunia.

Walaupun perkara yang dihuraikan pada umumnya sama, tetapi isi dan bahasa yang digunakan berbeza-beza . Sebabnya tidak lain, kerana naskhah Undang-undang Laut ini selalu diperbaiki, tetapi disesuaikan untuk keperluan masa pelbagai daerah di Nusantara. Tambahan lagi, Undang-undang Laut ini digunakan oleh orang Aceh di Aceh, orang Bugis di Sulawesi dan orang patani di Patani. Bukti ini ialah versi Undang-Undang Laut yang berasal atau disalin di daerah-daerah ini.<sup>9</sup>

Kewujudan undang-undang Laut Melaka ini adalah hasil daripada aktiviti perdagangan maritim yang begitu aktif sewaktu pemerintahan Sultan Mahmud Syah. Kepesatan aktiviti perdagangan maritim pada waktu itu memerlukan undang-undang atau peraturan yang tersusun rapi bagi mengendalikan perdagangan dan perkapalan yang banyak itu. Undang-undang Laut Melaka ini telah disusun oleh beberapa orang nakhoda terkenal di Melaka dan lebih banyak menekankan tentang isu jenayah dan peraturan yang harus dipatuhi oleh para pedagang di pelabuhan.

---

<sup>9</sup> Liaw Yock Fang, 2003, *Undang-undang Melaka dan Undang-undang laut Melaka*, Art Printing Works Sdn Bhd, Kuala Lumpur, hl 2.

## 2.3 UNDANG-UNDANG SEMBILAN PULUH SEMBILAN PERAK

Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak telah mula diperkenalkan setelah kedatangan Islam di Tanah Melayu. Undang-undang ini telah diperkenalkan oleh Sayid Hussain Al-Faradz yang telah datang dari Handramaut pada abad ke-17. Beliau telah datang ke Perak pada zaman pemerintahan Sultan Perak ke-11, iaitu Sultan Mahmud Iskandar Shah pada tahun 1653 hingga 1720M. Menurut Winstedt (1934) undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak merupakan sebuah karya agung yang menjadi aras kebesaran penulisan manuskrip Melayu. Tambahnya lagi, undang-undang ini merupakan sebuah naskhah undang-undang yang cukup menarik yang telah mula diperkenalkan setelah kedatangan Islam ke Tanah Melayu.<sup>10</sup>

Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak ini seperti mana namanya mengandungi 99 perkara berhubung dengan persoalan undang-undang. Huraian undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak ini cukup menarik kerana ia telah lari daripada huraian undang-undang yang biasa ditemui di dalam persuratan Melayu lama. Keunikan undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak ini boleh dilihat melalui struktur penulisannya yang berbentuk soal-jawab antara Raja Nasarwan Adil atau lebih dikenali dengan nama Anushivan dengan seorang Perdana Menterinya.<sup>11</sup>

Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak terdiri daripada Sembilan Puluh Sembilan faharasat iaitu undang-undang orang mengadu, undang-undang berlukaan, undang-undang orang membunuh orang, undang-undang orang kafir, undang-undang orang perempuan tiada tentu bapanya, undang-undang mengambil perempuan orang, undang-undang seorang perempuan hendak cerai dengan lakinya, undang-undang belanja orang berkahwin, undang-undang abdi orang, undang-undang orang jadi raja, undang-undang orang jadi pegawai memerintah dalam mukim, undang-undang kampung atau dusun dan lain lain.<sup>12</sup>

---

<sup>10</sup> Ahmad Jelani Halimi, 2002, *Undang-undang Laut Melayu: Undang-undang Perahu dan Undang-undang Belayar*, Pusat Pengajian Umum: Universiti Utara Malaysia, hlmn 4.

<sup>11</sup> Azniza Ahmad Zaini & Mohamad Azmi Nias Ahmad, 2015, *Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan: Warisan Persuratan Melayu Negeri Perak*, Prosiding Konferensi Akademik 2015,hlmn 89.

<sup>12</sup> Ibid,hlmn 89.

## 2.4 UNDANG-UNDANG KEDAH

Terdapat beberapa versi manuskrip undang-undang Melayu yang mengandungi Undang-undang Kedah. Manuskrip yang dipilih dalam kajian ini ialah hasil daripada Undang-undang Kedah Ku Din Ku Meh. Manuskrip ini tidak mempunyai tarikh yang tetap kerana ianya mula digunakan sejak zaman pemerintahan Sultan Rijaludin Muhamad Shah (1035H-1062H/ 1623-1652).<sup>13</sup> Teks ini kemungkinan besar bukanlah ditulis oleh Ku Din Ku Meh, tetapi telah diserahkan kepada beliau yang ketika itu menjadi individu yang berkepentingan dalam kerajaan Kedah.

Undang-undang Kedah Ku Din Ku Meh telah ditulis dalam dalam tulisan Jawi tangan dan mengandungi 40 fasal. Salinan fotokopi teks (bukan bentuk asal) ada tersimpan di Arkib Negara Malaysia <sup>14</sup> di bawah kod rujukan 2007/0002643. Teks ini diberi nama “Undang-undang Kedah Ku Din Ku Meh” sedemikian, berkemungkinan kerana di luar kulit teks ini tercatat nama Ku Din Ku Meh, kerani di penjara Alor Setar yang kemudiannya meningkatkan kerjayanya menjadi Pengusa Penjara di Alor Setar pada tahun 1897.<sup>15</sup>

Dari segi fizikalnya, teks ini berukuran 29 cm x 19 cm ini mengandungi 195 halaman bercetak, ditulis rapat-rapat tanpa jarak antara satu perkataan dengan perkataan yang lain. Setiap halaman mengandungi antara 14 hingga 15 baris perkataan dan mempunyai 13 hingga baris perkataan setiap baris ayat. Teks yang berbentuk seperti karangan panjang ini ditulis tanpa perenggan dan tidak mempunyai sebarang tanda baca. Tulisannya ada kalanya cantik, ada kalanya mengecil, ada kalanya sukar untuk dibaca. Berkemungkinan teks ini ditulis lebih daripada seorang individu melalui beza tulisannya. Namun, teks ini masih mengekalkan ‘mukadimmah’ dan puji-pujian seperti kebanyakan teks Melayu sezamannya.<sup>16</sup>

Tarikh permulaan penulisan teks ini tidak dicatat namun dinyatakan tarikh tamat penulisan adalah pada hari Rabu 12 Rabiulawal tahun 1311H.<sup>17</sup> Teks ini boleh

<sup>13</sup> Adi Yasran Abdul Aziz, Mohd Sukki Othman, 2012, *Undang-undang Pelabuhan Kedah dari Perspektif Sejarah dan Budaya*, Universiti Putra Malaysia, Selangor, Malaysia, hlm 3.

<sup>14</sup> Ku Din Ku Meh, *Undang-undang Kedah*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur,1311H/1839M,hlmn 93.

<sup>15</sup> Aisyah Kamaruddin, 2019, Undang-undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh (1893), Universiti Sains Malaysia (USM), hlmn 77.

<sup>16</sup> Ibid,hlmn 78.

<sup>17</sup> Ibid 79.

dianggap sebagai teks terakhir yang dilaksanakan di Kedah sebelum kedatangan Inggeris berdasarkan tarikh-tarikh yang tercatat di dalamnya.<sup>18</sup>

Menurut Undang-undang Kedah Ku Din Ku Meh, segala hukum atau fasal yang terkandung di dalamnya adalah mendapat persetujuan para ulamak, ahli fadil, ahli naqli, yang tiada bezanya dengan hukum yang digariskan oleh syariat Islam. Hanya untuk kesalahan yang bertentangan dengan hukum Allah, hukum naqli dan hukum aqli, tiadalah hukum adat ke atasnya. Ini bermakna hukum adat adalah digubal berdasarkan tiga teras tersebut.<sup>19</sup>

Secara ringkasnya, Undang-undang Kedah Ku Din Ku Meh mempunyai 40 fasal seperti syarat orang menjadi raja, syarat orang menjadi menteri fasal alat pengangan menteri, pegawai dan pemakaianya, fasal hukum adat yang ditentukan, fasal hukum perselisihan bunuh-bunuhan, fasal hukum pertahanan laki-laki perempuan, fasal hukum angkara derhaka selama-lama adanya, fasal hukum pencuri, penyamun, perlilit harta orang, fasal berkahwin nikah-nikahan, fasal tanah isi negeri, fasal berjual kampong bendang dusun-dusun, fasal hasil atas rakyat dan kerajaan dan fasal mengambil upah bela gajah.

Undang-undang Kedah versi Ku Din Ku Meh ini amat sarat dengan pengetahuan yang saling berkaitan antara satu dengan yang lain. Manuskip undang-undang ini banyak menekankan tentang sistem pentadbiran, strata sosial, krisis sosial, sistem ekonomi, dan syariah Islam yang telah menjadi pelengkap di dalam fasal 40 ini sekaligus menjadikan bukti bahawa masyarakat dahulu sudah punya kesedaran untuk hidup lebih bertamadun dan harmoni.<sup>20</sup> Di satu sisi yang lain, Undang-undang Kedah versi ini turut menjadi cerminan kepada kebijaksanaan pemimpin Melayu (Kedah) yang sudah mempunyai inisiatif untuk memajukan negara bangsanya.<sup>21</sup>

---

<sup>18</sup> Ibid, hlmn 73

<sup>19</sup> Ibid, hlmn 76.

<sup>20</sup> Ibid, hlmn 77.

<sup>21</sup> Ibid, hlmn 79.

## 2.5 UNDANG UNDANG PAHANG

Manuskrip yang disusun pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Ghafur Muhyiddin ini disesuaikan daripada manuskrip hukum kanun yang digunakan di negeri-negeri lain, khususnya di Melaka, dan kitab-kitab fiqah lain sebagai sumber rujukannya. Malahan ada pendapat yang mengatakan bahawa manuskrip ini merupakan terjemahan dan cedokan daripada kitab-kitab fiqah menurut mazhab Syafii. (Sabaruddin Hassan,1984: 150). Manuskrip Hukum Pahang yang disusun sekitar tahun 1596 merupakan kanun tertua selepas Undang-undang Melaka. (Mohd Taib Osman dan A.Aziz Deraman. 2000:136). Sebagai manuskrip yang dituliskan lebih terkemudian, Hukum Kanun Pahang didapati lebih lengkap daripada Undang-undang Melaka yang juga telah dikenali sebagai Risalat Hukum Kanun Melaka, dan lebih banyak lagi berasaskan undang-undang Islam daripada bergantung kepada amalan adat tempatan sahaja, yang kebanyakannya bercanggah dengan undang-undang Islam.

Berdasarkan kandungannya, Hukum Kanun Pahang dikatakan telah digubal berasaskan Hukum Kanun Melaka. Kumpulan undang-undang ini telah disusun antara tahun 1592-1914 Masihi iaitu pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Ghafur Muaiyyudin Syah. Baginda merupakan Sultan Pahang ke-12 dan keturunan raja Melaka. Dalam peruntukan Hukum Kanun Pahang tersebut didapati bahawa pengaruh undang-undang Islam adalah besar jika dibandingkan dengan undang-undang adat Melayu. Hukum Kanun Pahang terdiri daripada 93 fasal yang tidak tersusun secara sistematik dan tanpa mengikut klasifikasi yang tertentu.

Perlu diingatkan juga bahawa sebagaimana Hukum Kanun Melaka, Hukum Kanun Pahang merupakan hukum kanun yang berkembang. Kandungannya yang awal mencerminkan pengaruh Hindu iaitu yang terdiri daripada fasal 1 hingga 23, kemudiannya ditambah 66 fasal lagi setelah menerima pengaruh Islam. Ia berkembang menjadi 67 dan kemudiannya 93 fasal setelah menerima pengaruh Hukum Kanun Melaka serta mengutip beberapa isi daripada Undang-undang Johor.

Kedatangan Islam ke negeri Pahang berlaku seawal abad ke-5 Hijrah tetapi dari sudut pemerintahan dan pentadbirannya mula mengikut hukum kanun Melaka, apabila Melaka dapat menguasai negeri Pahang pada 1470M dan raja pertama dari keturunan raja Melaka yang dilantik sebagai sultan Pahang iaitu sultan Muhammad Syah ( 1470-

1475), kemudian sultan Pahang itu bertukar ganti di kalangan keturunan raja Melaka sehingga kepada Sultan Abdul Ghaffar Mahyuddin Shah (1592- 1614M).<sup>22</sup>

Baginda pada masa pemerintahannya telah membuat reformasi terhadap undang-undang Pahang yang diwarisinya dari Qanun Melaka. Melalui reformasi ini baginda telah memperkenalkan “Hukum Kanun Pahang” dengan cara memperkemaskan peruntukan undang-undang yang sedia ada yang sesuai dan menambah undang-undang baru mengikut keperluan setempat dan semasa. Reformasi yang dilakukan oleh Sultan Abdul Ghaffar terhadap Qanun Pahang itu ialah dengan cara menambah elemen-elemen syariah dan mengurangkan elemen-elemen adat yang terdapat dalam kanun Melaka yang menjadi asas kepada undang-undang Pahang sebelum ini.

---

<sup>22</sup> Abdul Halim El- Muhammady & Asma Hakimah Ab Halim, 2019, *Qanun Pahang*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor Darul Ehsan, hlm 21.

### **3.0 PERANAN UNDANG-UNDANG**

#### **3.1 MENJAGA KEHARMONIAN MASYARAKAT**

Undang-undang dibuat bagi membentuk peraturan dalam kehidupan manusia. Dengan adanya peraturan ini, manusia dapat hidup bersama-sama dalam keadaan yang lebih aman dan harmoni tanpa perlu wujudnya persengketaan. Undang-undang juga adalah bertujuan untuk menjadikan sesebuah masyarakat itu lebih peka dan bertanggungjawab terhadap peranan setiap individu di dalam sesebuah komuniti. Tahap kesedaran yang tinggi terhadap tanggungjawab masing-masing akan menjadikan sesuatu tempat yang didiami itu lebih tenang dan harmoni. Keharmonian sistem undang-undang ini dapat dilihat setelah wujudnya sistem pemerintahan Kerajaan Melayu tradisional yang telah mewujudkan beberapa jenis aturan atau undang-undang yang wajib diikuti dan diamalkan oleh masyarakat di sesebuah negeri itu.

Antaranya ialah dalam Hukum Kanun Melaka, fasal 5.1 (18.3) menyatakan hukuman ke atas pembunuhan. Contohnya “pada menyatakan orang membunuh dengan tiada setahu Raja atau orang besar-besar itu. Jikalau dibunuhnya dengan tiada dosanya sekalipun dibunuh pula ia pada hukum Allah maka adil namanya. Tambahan lagi dalam Hukum Kanun Melaka dalam fasal 7.2 menyatakan hukuman ke atas pencuri adalah potong tangan. Contohnya, “adapun jikalau ia mencuri..adapun pada hukum Allah orang yang mencuri itu tidak harus dibunuh melainkan potong tangannya.<sup>23</sup>

Selain itu, Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak turut menyentuh persoalan moral dan tatasusila dan tatacara masyarakat sekiranya terdapat orang datang mengadu berkenaan sesak hutang. Fasal ini antara lain menyebut.” Pertama-tama tolong dirham, jika tida duit tolong dengan akal, jika tiada akal tolong dengan bicara kira-kira disuruhkan. Jika tiada tolong kudrat dengan kerja, salah suatu jangan tidak di atas orang yang sesak itu”. Fasal 26 pula menyebut berkenaan dengan hukuman yang patut diberikan sekiranya orang yang membawa kiriman orang, namun beliau tidak menyampaikannya seperti yang diamanahkan. Fasal ini menyatakan “Barang itu gantikan serta pula kena denda dua puluh dinar. Jika sebab suatu-suatu

---

<sup>23</sup> Abu Hassan Sham, 1973, *Unsur-unsur Undang-undang Hindu di dalam Teks Undang-undang Adat Temenggung Khasnya Hukum Kanun Melaka*, majalah Dewan Bahasa, hlm 310-321

aralnya tiada disampaikan,jika barang-barang makanan diganti bahagi dua, jika bukan barang-barang makanan diganti semuanya, tiadalah salah mereka itu adanya”<sup>24</sup>

Manakala, Undang-undang Kedah Ku Din Ku Meh dalam fasal kelima membincangkan mengenai hukuman membunuh dan perselisihan. Hukuman yang dikenakan mengikut Undang Undang Kedah ini adalah berlandaskan hukum yang telah ditetapkan oleh Allah Taala. Walau bagaimanapun, undang-undang membenarkan bantahan bagi pelaku walaupun jarang sekali berlaku.

### **3.2 MENGUTAMAKAN PENGARUH AGAMA ISLAM**

Agama Islam adalah agama dakwah, iaitu agama yang lahir dan tersebar dengan aktiviti dakwah Islamiah. Sebuah aktiviti yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW dan diteruskan oleh pengikutnya sampai sekarang hingga hari kiamat nanti,bahkan aktiviti ini tidak pernah berhenti dan berakhir sampai hari akhirat nanti. Kewujudan undang-undang Melayu Tradisional banyak memberikan penekanan yang penting terhadap agama Islam dalam melaksanakan sesuatu hukum atau undang-undang.

Antaranya ialah dalam Hukum Kanun Melaka ada juga menyatakan tentang hukuman terhadap individu yang minum arak dalam Fasal 42. Pada menyatakan hukum yang minum arak dan tuak. “Barang siapa minum arak dan tuak atau minum barang minuman yang memabukkan, jikalau menderhaka 40 kali pula didera akan dia.”

Selain itu juga, Undang-undang Laut Melaka turut menyentuh tentang hukuman yang dikenakan bagi kesalahan melakukan zina. Contohnya, bagi kesalahan berzina dengan isteri nakhoda hukuman bunuh akan dikenakan. Isteri nakhoda juga akan dibunuh atau dihukum masuk ulur. Kesalahan bagi mana-mana anak kapal yang berzina dan telah berkahwin, mereka juga akan dihukum bunuh. Kepada pesalah yang belum berkahwin, mereka akan dipalu sebanyak 100 kali.

Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak juga menyebut kesalah berzina. Contohnya, dalam fasal 50 menyatakan bahawa jika kedua-dua penzina mengakuinya, mereka hanya diperintahkan bernikah dan membayar denda sepha emas. Jika penghulu mendapati tiada kesalah, maka kesalah itu boleh dibincangkan dan dimaafkan.Tambahan pula, dalam fasal 6 memperuntukkan seorang pesalah yang mengambil isteri orang lain akan dibuang dari mukimnya. Sekiranya tidak dibuang,

---

<sup>24</sup> Azniza Ahmad Zaini, Mohd Azmi Nias Ahmad, Suria Fadhilah Md Pauzi, 2015, *Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan: Warisan Persuratan Melayu Negeri Perak*, Universiti Teknologi Mara Cawangan Pahang, hlm 6.

dia dikehendaki membayar denda (emas). Bagi perempuan pula, hukumannya adalah dicukur rambutnya tetapi akan dilepaskan sekiranya membayar denda.

### **3.3 MENJADI LAMBANG KEDAULATAN RAJA**

Sebuah kerajaan tidak akan wujud jika tiadanya seorang pemerintah. Pemerintah dalam aspek kerajaan Melayu Tradisional digelar sebagai raja. Dalam sistem hierarki masyarakat Melayu Tradisional, raja menduduki hierarki yang tertinggi sekali diikuti oleh golongan pembesar, rakyat dan seterusnya hamba. Raja dianggap sebagai seorang individu yang mulia dan memiliki daulat yang tersendiri.

Secara umumnya, kedaulatan merupakan kuasa tertinggi yang dimiliki oleh sesebuah institusi dalam masyarakat, politik untuk membuat keputusan tentang hal-hal yang berhubung dengan pentadbiran dan politik.<sup>31</sup> Kedaulatan dikatakan bersifat bebas apabila pemegangnya boleh menentukan sistem politik dan menggubal undang-undang tanpa terikat dengan ajaran agama, ideologi atau prinsip-prinsip tertentu. Oleh kerana kedaulatan adalah kekuasaan agung yang mengabsahkan prinsip perlembagaan, sistem politik dan perundangan sesebuah negara, maka undang-undang itu dijunjung dan diberi taat setia oleh setiap rakyat. Atas premis itulah ia dinamakan ‘rule of law’ yang menjadi asas kepada ‘good governance’.<sup>25</sup>

Perkataan ‘daulat’ ini dianggap sebagai suatu perkataan yang dianggap sebagai suatu sifat yang istimewa kerana dianggap memberikan kuasa sakti kepada golongan raja. Kuasa sakti itu dikatakan penting yang bertujuan untuk mengukuhkan lagi kedudukan seorang raja itu. Golongan pembesar dan rakyat terutamanya sering kali mengucapkan perkataan daulat ini selepas upacara naik takhta seorang raja. Kuasa ini dipercayai memiliki kuasa yang luar biasa dan mampu untuk menjadikan diri seseorang raja itu disenangi, dihormati, digeruni serta dikasihi oleh rakyat dan pembesarnya sendiri. Kewujudan kuasa ini akan memastikan rakyat tidak akan berani untuk ingkar perintah raja. Ketidakpatuhan terhadap perintah raja akan menyebabkan rakyat terkena tulah.

---

<sup>25</sup> Wan Ahmad Fauzi Wan Hussain, Anisah Che Ngah & Mohamed Anwar Din. 2018. *Konsep Kedaulatan dalam Hukum Kanun Melaka*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlmn 62.

Kedaulatan raja juga dapat dilihat melalui penggunaan bahasa, warna, dan alat kebesaran raja. Dari aspek warna dan kebesaran raja,dalam fasal pertama Hukum Kanun Melaka adalah menjadi kesalahan bagi rakyat memakai kekuningan,kain kasa, keris berhulukan emas.<sup>26</sup> Tujuan ini adalah untuk memastikan golongan rakyat memahami dan menghormati hak istimewa golongan raja. Undang-undang ini haruslah dipatuhi oleh masyarakat yang mendiami wilayah yang diperintah oleh raja tersebut.

Manakala dari aspek warna dan kebesaran raja juga, Undang-undang Kedah dalam fasal pertama turut menyatakan tentang adat majlis segala raja-raja dan adat pakaian sekalian raja-raja dan larangan segala raja-raja kepada pakaian sekalian rakyat.<sup>27</sup> “Maka ketahui olehmu bahawa tiada harus dipakai sekalian melainkan orang besar-besar itu. Jikalau dipakai oleh orang lain dengan tiada ada nama anugerah itu dibunuh hukumnya itu. Demikian lagi tiada dapat memakai kain yang nipis, jarang, berbayang-bayang, itu seperti khasa dan halimunan pada balai raja atau di dalam kerja melainkan dengan titah kurnia atau ada dilorekkan boleh pakainya. Jikalau lain daripada itu nescaya dicarikkan dan ditolakkan hukumnya.”

Tambahan pula, dalam Undang-undang Pahang juga menyatakan adat majlis raja dan adat pakaian dan kurnia pada orang besar-besar dan larangan raja-raja akan dipakai oleh segala rakyat itu. Tiada harus memakai kekuningan pada orang besar-besar, jikalau dipakainya larangan raja-raja itu dengan tiada hasriyyah dan namun tatkala mengadap raja atau masuk ke dalam pagar raja melainkan anugerah.<sup>28</sup>

Kedaulatan raja dari aspek bahasa juga turut dititikberatkan dalam beberapa Undang-undang tradisional Melayu. Hukum Kanun Melaka turut menyatakan tentang hukum bahasa segala raja-raja dalam fasal dua. Rakyat biasa dilarang menggunakan perkataan titah, patik, murka, kurnia dan nugraha.<sup>29</sup> Penggunaan bahasa raja adalah sangat diutamakan dan hanya dikhkususkan untuk golongan kerabat diraja pada zaman dahulu. Rakyat adalah dilarang dan tidak dibenarkan sama sekali untuk menggunakan

<sup>26</sup> Muhammad Yusoff b. Hashim, 2008, *Polemik Sejarah Malaysia*, Arkib Negara Malaysia Jalan Duta, Kuala Lumpur, Jilid 1, hlm 53.

<sup>27</sup> Mariyam Salim, 2005, *Undang-undang Kedah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm 49.

<sup>28</sup> Abdul Halim El- Muhammady & Asmah Hakimah Ab Halim,2019, *Qanun Pahang*, Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm 58.

<sup>29</sup> Abu Hassan b. Mohd Sham, 2008, *Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka*, Arkib Negara Malaysia Jalan Duta, Kuala Lumpur, hlm 53.

bahasa raja kerana dianggap tidak memiliki kedudukan dan darjat yang sama dengan golongan raja.

Undang-undang Kedah juga turut menyatakan larangan tentang penggunaan bahasa yang mengkhususkan kepada golongan raja-raja iaitu:

“Fasal pada menyatakan hukum bahasa raja-raja itu lima perkara. Pertama, titah; dan kedua, kami; dan ketiga, kita dan keempat, berpatik dan kelima, derma kurnia. Maka kelima perkara ini tiada boleh berkata-kata dengannya mereka yang keluaran. Barang siapa melalui akan dia, hukumnya dibunuhi, jika ia hamba raja, dan digocoh mulutnya jika ia orang keluaran.” ( UUK:40).

### **3.4 MENDAPAT HAK PEMILIKAN TANAH**

Pemilikan tanah sewaktu pemerintahan Melayu Tradisional adalah amat dititikberatkan. Hal ini kerana dengan memiliki tanah sesebuah masyarakat atau individu itu sendiri dapat memperoleh hasil tanaman sendiri serta dapat melakukan proses jual beli dalam kalangan masyarakat. Jika keluasan tanah yang dimiliki itu luas dan mempunyai pelbagai hasil tanaman, ianya dapat didagang dengan pedagang dari luar. Walau bagaimanapun sistem pemilikan tanah ini mula digubal mengikut setiap pemerintah dan kemudiannya hanya dikhkususkan kepada pemilik tanah.

Hukum Kanun Melaka dalam Fasal 19.1 turut menyentuh hal pemilikan tanah dalam kehidupan masyarakat pada zaman Melayu Tradisional. Sebagai contoh, undang-undang ini menyebut tentang orang yang menduduki tanah orang lain. Sekiranya terdapat hasil daripada tanaman tersebut seperti buah-buahan ia hendaklah makan bersama dengan tuan tanah yang lama. Manakala, jika ia ingin menjual hasil taman tersebut, 1/3 daripada hasil jualannya itu akan diserahkan kepada tuan tanah. Sekiranya ditebang pokok itu, 1/3 daripada pokok itu hendaklah dibayar ganti rugi. Adalah menjadi kesalahan orang besar memberikan sesuatu kampung kepada orang lain tanpa setahu raja. Tuan punya emas yang menerima gadaian dusun yang tiada mendatangkan hasil dapat meminta ganda harga emasnya. Jika ia mendapat harta seperti emas, 2/3 hendaklah diserahkan kepada tuan dusun.<sup>30</sup>

---

<sup>30</sup> Abu Hassan b. Mohd Sham,2008 , *Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka* , Jilid 1, Arkib Negara Malaysia, hlm 49.

Selain itu,dalam fasal 20.1 tanah turut dibahagi kepada dua jenis: tanah hidup jika ada alamat orang pernah mengerjakannya. Tanah mati seperti tanah hutan dan sebagainya. Orang yang membuat ladang pada tanah hidup akan didakwa.Hukum Kanun Pahang turut menyentuh hak pemilikan tanah dalam fasal ke 19 iaitu hukum segala buah-buahan dalam kampung atau dalam kota negeri maka iaitu dijual buahnya itu dipinta separiglia iaitu dua bahagi yang empunya kampung, sebahagi akan tuannya lama.<sup>31</sup>

Di samping itu, Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak turut memberi penekanan terhadap persoalan pemilikan tanah, sama ada ia berkaitan dengan tanah mati atau tanah hidup. Fasal 13 misalnya menerangkan berkenaan dengan undang-undang kampung atau dusun yang sudah ditinggalkan atau terbiar. Antara lain fasal 13, menyebut, “Maka sembah Menteri”, jikalau yang empunya tanam-tanaman itu sudah mati, barang siapa-siapa yang lalu lalang kepada tempat itu bolehla dimakan oleh mereka itu akan buahnya, tiada dengan harga di atas buah-buahan yang dimakannya itu antara lalu pada tempat itu sahaja. Dan jika hidup tuan dusun itu, orang asing pula diam di situ, bolehlah bersama-sama makan buahnya itu, yang empunya ia dan orang yang menampung itu. Jika dusun yang sudah tinggal, barang siapa orang yang duduk dekat serta menolong peliharakan tanam-tanaman itu, bolehla berbahagi dua dengan tuannya itu. Tetapi tatkala datang tuan yang punya tanah itu hendak mengambil buahnya, mahulah bersama-sama juga memberi khabar kepada orang yang diam atau menunggu dusun itu. Jika diambil sahaja dengan tiada berkhabar nescaya salah mereka itu, dan didenda sepha emas. Dan jika sekiranya sudah mati pula yang empunya cucuk tanaman kampong atau dusun itu, maka bahagian itu pulang kepada anaknya yang perempuan, kerana yang tinggal itu adatnya menjadi harta Raja dan Penghulu empunya milik adanya”.<sup>32</sup>

Akhir sekali, fasal berkaitan tanah turut disentuh dalam Undang-undang Kedah iaitu dalam fasal 18 dan Fasal 19. Kedua-dua fasal ini adalah berkaitan dengan fasal tanah isi negeri dan fasal bendang isi negeri. Seperti yang diketahui ramai, Kedah merupakan sebuah negeri yang tidak asing lagi dengan aktiviti pertanian terutamanya

<sup>31</sup> Abdul Halim El-Muhammady , Asma Hakimah Ab Halim, 2019, *Qanun Pahang*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor, hlm 69.

<sup>32</sup> Azniza Ahmad Zaini, Mohd Azmi Nias Ahmad, Suria Fadhilah Md Pauzi, 2015, *Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan: Warisan Persuratan Melayu Negeri Perak*, Universiti Teknologi Mara Cawangan Pahang, hlm 6.

padi. Kegiatan pertanian ini adalah amat penting kepada masyarakat di Kedah kerana dijadikan sebagai sumber pendapatan mereka. Oleh itu, pemilikan sumber tanah ini dapat dibuktikan dengan pemberian surat putus oleh raja kepada golongan rakyat yang bertani. Surat ini adalah merupakan bukti penting para penduduk yang memiliki tanah untuk dijayakan sebagai kawasan perhumaan, pensawahan, dan perdusunan.<sup>33</sup> Maklumatnya diperturunkan di bawah:

“ Barang siapa daripada hamba Allah Taala yang dikarunia raja beri duduk buat kampong dan dusun dan bendang bolehlah masing-masing tebas tebang persucikan tanah-tanah itu duduk bertanam tanaman akan jadi makanannya, barang diusaha sucikan itu jadi milik ialah dengan segala tanam tanaman dalamnya itu tiada boleh ia hendak milik akan tanah itu karena tanah itu tertentu tanah raja sehingga suci dengan tanaman dalamnya itulah miliknya tiada boleh yang lain mengambil dia ertinya jika habis binasa tanaman dalamnya dan habis binasa sucinya ertinya jadi hutan belukar lucutlah sudah daripadanya pulang tanah itu jadi milik raja”. ( UUK: 18).

### **3.5 MELAHIRKAN MASYARAKAT YANG BERETIKA**

Nilai moral dan etika yang baik adalah amat dititikberatkan dalam sesebuah sistem pemerintahan kerajaan Melayu Tradisional. Nilai moral yang baik merujuk kepada akhlak yang mulia seseorang individu itu dan wajarnya diamalkan dan

---

<sup>33</sup> Mohd Kasturi Nor Abd Aziz ,2010, *Gambaran Kegiatan Ekonomi Kedah Menerusi Catatan Belanjawan Negeri Dalam Mesyurat sultan Abdul Hamid, kertas kerja dalam Seminar Manuskrip Melayu Nusantara*, Perbadanan Perpustakaan Kedah, hlm 61.

diterapkan sejak kecil lagi. Menerusi undang-undang Melayu Tradisional ini banyak memberi penekanan terhadap nilai etika yang bertamadun dalam seseorang individu. Dengan ini,masyarakat yang berakhhlak mulia dan bertamadun dapat dilahirkan dalam sesebuah masyarakat. Undang-undang juga bertujuan untuk menjamin keamanan negara daripada perkara-perkara yang tidak mendatangkan manfaat kepada masyarakat.

Antaranya ialah, kewujudan Hukum Kanun Melaka bukan sahaja mengalami perubahan dari sudut pemerintahan atau politik sahaja. Kedatangan Islam sewaktu pemerintahan Kerajaan Melayu Melaka turut menetapkan semula nilai-nilai moral, menjernihkan amalan dan kepercayaan, mewujudkan muamalat yang diredayai oleh Allah SWT. Contohnya, amalan riba dan bentuk penindasan lain dihapuskan secara berperingkat. Tulisan jawi menjadi tulisan rasmi,surat menyurat bukan sahaja di dalam Alam Melayu bahkan dalam hubungan dengan kerajaan-kerajaan antarabangsa ditulis dalam tulisan Jawi.Pendidikan melalui al-Qur'an dan al-Sunna berjaya membina tamadun Melayu yang dihormati.

Selain itu, Undang-undang Melaka dalam fasal yang keempat belas ada menyatakan hukum tuduh-menuduh yang tiada mempunyai saksi. Jika mengikut hukum kanun, berlawanan menyelam air atau bercelur ke dalam minyak atau timah yang cair. Jika mengikut hukuman Islam, hanya bersumpah di masjid. Sebelum dalam fasal ketiga belas ada juga menyatakan hukuman orang yang menyembunyi dan melarikan hamba orang. Jika dilarikan mengikut jalan laut, tuannya tidak dapat berbuat apa-apa. Tetapi jika ikut anak sungai atau daratan, orang yang melarikan hamba itu akan dedenda.<sup>34</sup>

Seterusnya, dalam fasal 24 dalam Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak ada menyatakan mengenai protokol istana. Seseorang itu perlu mematuhi beberapa peraturan jika menghadap raja atau pembesar seperti menundukkan kepalanya semasa duduk dalam balai balairung seri, menumpukan perhatian ( tidak boleh menolehkan pandangannya), tidak boleh memandang muka raja atau pembesar, tidak boleh

---

<sup>34</sup> Abu Hassan Sham, 1973, *Unsur-unsur Undang-undang Hindu di dalam Teks Undang-undang Adat Temenggung Khasnya Hukum Kanun Melaka*, majalah Dewan Bahasa, hlm 310-321.

bercakap atau bertutur kata dalam nada suara yang tinggi, dan perlu duduk diam berdasarkan adat menghadap raja atau pembesar.<sup>35</sup>

Di samping itu, Undang-undang Pahang dalam fasal keenam pada menyatakan hukum segala orang mengamuk. Jikalau hamba mengamuk atau utang-utangan jikalau tidak ditangkap maka dibunuh ia, jikalau dapat ditangkap dengan tiada tahu orang-orang besar salah, hukumnya kena denda. Sepuluh tahlil sepha. Jikalau Bendahara dan Bendahari tiadalah hukum akan dia. Adapun jika bukan ia orang besar-besarnescaya kena denda sepuluh tahlil sepha. Maka dalamnya itu tilik pula jikalau ada pada dirinya kenalah sepenuhnya.

Akhir sekali, Undang-undang Pahang dalam fasal yang kelapan ada menyatakan hukum menetak orang. Jika abdi menetak merdehika maka iaitu masuk ulur. Adapun jika merdahika menetak abdi kena denda setengah harga. Jika ada ia miskin kena harga. Adapun jika merdahika menampar abdi dengan tiada salahnya kena lima emas, jika ada ia kaya kena sepuluh emas.<sup>36</sup>

#### **4.0 KESIMPULAN**

Kesimpulannya, undang-undang bertulis dapat memastikan keharmonian dan kesejahteraan sesebuah masyarakat yang hidup dalam kelompok yang sama. Dengan adanya undang-undang bertulis seperti ini maka sesebuah masyarakat dapat hidup berpandukan peraturan yang telah ditetapkan mengikut syarak untuk terus tinggal dalam keadaan yang aman dan harmoni. Kewujudan undang-undang ini telah membantu masyarakat untuk lebih bertanggungjawab dan berdisiplin terhadap sesuatu undang-undang yang telah ditetapkan. Pentadbiran Kerajaan Melayu Tradisional yang teratur adalah kesan daripada wujudnya undang-undang yang telah ditulis dan dilaksanakan. Tambahan pula, undang-undang ini turut digunakan oleh golongan pemerintah untuk memastikan kedudukan mereka serta hak setiap anggota masyarakat dalam kehidupan terjamin.

---

<sup>35</sup> Azniza Ahmad Zaini, Mohd Azmi Nias Ahmad, Suria Fadhilah Md Pauzi, 2015, *Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan: Warisan Persuratan Melayu Negeri Perak*, Universiti Teknologi Mara, cawangan Pahang, hlm 11.

<sup>36</sup> Abdul Halim El-Muhammady & Asma Hakimah Ab Halim, 2019, *Undang-undang Pahang*, Universiti Kebangsaan Malaysia,hlm 71.

## **RUJUKAN**

Ahmad Jelani Halimi, 2012, *Undang-undang Laut Melayu: Undang-undang perahu dan undang-undang belayar*, Universiti Utara Malaysia, Sintok Kedah.

Ahmad Murshidi Mustapa, Abdul Hakim Baharuddin, Mohamad Hafifi Hassim, 2019, *Sejarah Pelaksanaan Undang-undang Islam Malaysia: Sorotan Terhadap Sistem Kehakiman Islam di Negeri Melaka*, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Abdul Halim El- Muhammady & Asma Hakimah Ab Halim, 2019, *Qanun Pahang*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor Darul Ehsan.

Ahmad Jelani Halimi, 2002, *Undang-undang Laut Melayu: Undang-undang Perahu dan Undang-undang Belayar*, Pusat Pengajian Umum: Universiti Utara Malaysia.

Azniza Ahmad Zaini & Mohamad Azmi Nias Ahmad, 2015, *Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan: Warisan Persuratan Melayu Negeri Perak*, Prosiding Konferensi Akademik.

Aisyah Kamaruddin, 2019, Undang-undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh (1893), Universiti Sains Malaysia (USM).

Abu Hassan Sham, 1973, *Unsur-unsur Undang-undang Hindu di dalam Teks Undang-undang Adat Temenggung Khasnya Hukum Kanun Melaka*, majalah Dewan Bahasa.

Azniza Ahmad Zaini, Mohd Azmi Nias Ahmad, Suria Fadhilah Md Pauzi, 2015, *Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan: Warisan Persuratan Melayu Negeri Perak*, Universiti Teknologi Mara Cawangan Pahang.

Abdul Halim El- Muhammady & Asmah Hakimah Ab Halim, 2019, *Qanun Pahang*, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abu Hassan b. Mohd Sham, 2008, *Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka*, Arkib Negara Malaysia Jalan Duta, Kuala Lumpur.

Abu Hassan Sham, 1973, *Unsur-unsur Undang-undang Hindu di dalam Teks Undang-undang Adat Temenggung Khasnya Hukum Kanun Melaka*, majalah Dewan Bahasa.

Azniza Ahmad Zaini, Mohd Azmi Nias Ahmad, Suria Fadhilah Md Pauzi, 2015, *Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan: Warisan Persuratan Melayu Negeri Perak*, Universiti Teknologi Mara, cawangan Pahang.

Abdul Halim El-Muhammady & Asma Hakimah Ab Halim, 2019, *Undang-undang Pahang*, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Dr.Teuku Iskandar, 2005, Kamus Dewan, Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hooker,1970, *Reading In Malay Adat Laws*, Singapura : Singapura University Press.

Datuk Samad Idris, 1974, *Kemudian Dalam Adat Perpatih*, Kertas Kerja Yang Dibentangkan Di SeminarPensejarahan Dan Adat Perpatih, Anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan.

Ku Din Ku Meh, *Undang-undang Kedah*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur,1311H/1839M.

Liaw Yock Fang, 2003, *Undang-undang Melaka dan Undang-undang laut Melaka*, Art Printing Works Sdn Bhd, Kuala Lumpur.

Muhammad Yusoff b. Hashim, 2008, *Polemik Sejarah Malaysia*, Arkib Negara Malaysia Jalan Duta, Kuala Lumpur, Jilid 1.

Mariyam Salim, 2005, *Undang-undang Kedah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Mohd Kasturi Nor Abd Aziz ,2010, *Gambaran Kegiatan Ekonomi Kedah Menerusi Catatan Belanjawan Negeri Dalam Mesyurat sultan Abdul Hamid, kertas kerja dalam Seminar Manuskrip Melayu Nusantara*, Perbadanan Perpustakaan Kedah.

M.B.Hooker, 1976, The Personal Law of Malaysia, Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Siti Fairus Binti Kamarudin, 2015,*Manuskrip undang-undang Kedah : kajian unsur-unsur etnografi Islam*, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Wan Ahmad fauzi wan Husain, Anisah Che Ngah, Mohamed Anwar Omar Din, 2018, *Konsep Kedaulatan dalam Hukum Kanun Melaka*, Universiti Kebangsaan Malaysia.

